



KOLEJ KOMUNITI
M A L A Y S I A




KOLEJ KOMUNITI
SIK

PANDUAN PELAJAR:

e-BOOK STUDENT

UNIT KEBAJIKAN PELAJAR
KOLEJ KOMUNITI SIK



e-BOOK STUDENT

KOLEJ KOMUNITI SIK

ISI KANDUNGAN

MENGENAI KOLEJ KOMUNITI SIK

VISI & MISI

LOGO KORPORAT

CARTA ORGANISASI SIK

**BAHAGIAN AKADEMIK
KOLEJ KOMUNITI SIK**

Unit Sijil Pemprosesan dan Kawalan
Mutu Makanan (SPK)
Unit Pengajian Am
Unit Peperiksaan dan Penilaian

**BAHAGIAN BUKAN AKADEMIK
KOLEJ KOMUNITI SIK**

Unit Pembangunan Pelajar
Pembentangan Kewangan
Pengambilan Pelajar
Psikologi dan Kerjaya
Perpustakaan
Ko-kurikulum
Insuran
Disiplin & Tatatertib

MENGENAI KOLEJ KOMUNITI SIK

Kolej Komuniti Sik adalah salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi. Matlamat utama penubuhan kolej ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pelajaran. Selain itu, kolej ini juga menyediakan latihan khusus jangka pendek kepada ahli masyarakat dan komuniti setempat untuk mempelajari bidang kemahiran atau menambahbaik kemahiran sedia ada. Selaras dengan visi dan misi Kolej Komuniti, Kolej Komuniti Sik menawarkan kursus yang berkaitan dengan aktiviti ekonomi setempat bagi melahirkan pekerja terlatih serta memberi peluang pendidikan di peringkat akar umbi.

Kolej Komuniti Sik mula beroperasi pada 1 Mei 2014 di bangunan rumah kedai dua tingkat yang terletak di alamat No. 28-A, Pusat Perniagaan Alamanda, 08200 Sik, Kedah. Pengambilan pelajar sulung di kolej ini adalah pada sesi kemasukan Julai 2015 yang merekodkan sejumlah 30 pelajar mendaftar untuk mengikuti kursus sepenuh masa dalam jurusan Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan (SPK).

Dengan tertubuhnya Kolej Komuniti Sik, maka bertambahlah peluang-peluang pendidikan kepada pelajar-pelajar lepasan menengah yang mempunyai minat dalam bidang berasaskan kemahiran. Selain daripada itu, kolej ini juga sentiasa bersedia untuk memenuhi keperluan dan permintaan komuniti setempat melalui kursus jangka pendek yang diadakan di kolej dari semasa ke semasa. Lulusan sepenuh masa Kolej Komuniti Sik pula berpeluang untuk mengisi keperluan tenaga kerja mahir industri dalam bidang Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan atau memulakan perniagaan sendiri sebagai usahawan.

VISI KOLEJ KOMUNITI

Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul

MISI KOLEJ KOMUNITI

- Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf
- Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat
- Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang
- Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan

OBJEKTIF KOLEJ KOMUNITI

- Menyediakan pendidikan yang berkualiti, berteknologi tinggi dan holistik dengan :
- Menyediakan laluan alternatif kepada pelajar lepasan menengah dan pelajar yang tercicir daripada pendidikan formal untuk mengikuti latihan dan pengajian dalam bidang-bidang teknikal dan vokasional termasuk perdagangan, pertanian, kesihatan dan lain-lain;
- Menyediakan pendidikan seumur hidup kepada individu dan masyarakat setempat bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat;
- Membolehkan syarikat-syarikat swasta menggunakan khidmat kolej komuniti untuk memberi latihan kepada pekerja mereka;
- Mewujudkan kerjasama yang erat di antara ahli masyarakat, kerajaan tempatan dan sektor swasta bagi memajukan kawasan setempat;
- Menyelaras latihan dan kemahiran yang disediakan oleh pelbagai kementerian supaya dapat memenuhi keperluan pasaran dan penduduk setempat;
- Memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk menggunakan kemudahan yang disediakan kolej komuniti; dan
- Memberi khidmat nasihat / kaunseling kepada masyarakat setempat bagi mempertingkatkan tahap pengetahuan dan perkembangan kerjaya mereka.

LOGO KOLEJ KOMUNITI SEMALAYSIA



LOGO KOLEJ KOMUNITI SIK



MOTTO

“Peneraju Komuniti Berilmu dan Berkemahiran”

CARTA ORGANISASI

Kolej Komuniti SIK



KHAIRUL ANUAR BIN AZIZ
Pengarah Kolej Komuniti Sik

BAHAGIAN AKADEMIK

KOLEJ KOMUNITI SIK

SIJIL PEMPROSESAN DAN KAWALAN MUTU MAKANAN

Selaras dengan perkembangan teknologi semasa dan keperluan industri, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti telah menawarkan program – program yang sesuai dengan kehendak pasaran pekerjaan semasa. Program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan dibentuk untuk memenuhi keperluan majikan, kesatuan pekerja, tenaga pengajar dan pihak yang bertanggungjawab dalam perkembangan sektor pekerjaan. Perkembangan industri makanan yang sangat memberangsangkan memerlukan pekerja separa mahir yang arif dengan kawalan mutu makanan. Sektor makanan memberi pulangan yang besar dalam perkembangan industri negara. Oleh itu, kursus – kursus yang terdapat dalam program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan diharap dapat menjadi pemangkin perkembangan industri makanan negara.

Setiap kursus dalam program ini dinilai dalam bentuk somatif dan formatif. Penilaian formatif membawa pemberatan sebanyak 70% manakala penilaian sumatif sebanyak 30%. Kaedah yang digunakan untuk penilaian formatif adalah projek, tugas, laporan dan persembahan serta amali di makmal. Bagi penilaian berbentuk sumatif pula akan melibatkan kuiz, ujian bertulis dan peperiksaan akhir pada setiap akhir semester.

Latihan industri pula akan dijalankan pada akhir semester selama 4 bulan setelah pelajar menyelesaikan 3 semester. Pelajar akan mendapat pengalaman alam pekerjaan yang sebenar ketika menjalani latihan industri ini. Selain itu, pelajar juga diharap dapat diserap ke dalam sektor pekerjaan setelah menyelesaikan latihan industri dalam industri tersebut.

Syarat –Syarat Kemasukan:

- Warganegara Malaysia.
- Lulus SPM - Bahasa Melayu & Sejarah

SIJIL PEMPROSESAN DAN KAWALAN MUTU MAKANAN (SINOPSIS)

SIJIL PEMPROSESAN DAN KAWALAN MUTU MAKANAN dibentuk untuk mendedahkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh industri untuk menjadi pekerja separa mahir. Program ini meliputi kemahiran dalam bidang pemprosesan makanan dan kawalan mutu hasilan makanan. Kursus yang ditawarkan merangkumi pemprosesan dan pembungkusan semua kategori makanan khususnya yang bersumberkan bahan mentah tempatan. Antara lain, program ini dapat melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan:

1. Pemprosesan dan kaedah pengawetan buah – buahan, sayur – sayuran, ikan dan hasilan laut, daging dan ayam, telur, bakeri dan konfektionari.
2. Pengenalan tentang pengawalan mutu makanan, baik semasa atau selepas pemprosesan, aspek kandungan makanan dan pemakanan.
3. Perundangan makanan dan Pengenalan Makanan Halal yang menjadi isu utama dalam pemprosesan makanan.
4. Pengurusan dan pemasaran hasilan makanan.

SIJIL PEMPROSESAN DAN KAWALAN MUTU MAKANAN (PROSPEK KERJA)

Program ini menyediakan pelajar yang berpengetahuan dan berkemahiran untuk menjadi tenaga kerja separuh mahir yang kompeten dalam teknologi pemprosesan makanan untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat dalam industri makanan. Antara pekerjaan yang berpotensi adalah:

1. Pembantu Kawalan Kualiti Makanan
2. Pembantu Jaminan Kualiti Makanan
3. Pembantu Makmal
4. Usahawan Industri kecil dan sederhana
5. Penolong Pengurus Restoran
6. Penolong Pengurus Pengeluaran Makanan
7. Penolong R & D
8. Penolong Pegawai Penyelidik

SIJIL PEMPROSESAN DAN KAWALAN MUTU MAKANAN (OBJEKTIF PROGRAM PENGAJIAN)

Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan mampu menghasilkan pengamal pemprosesan makanan yang:

OP 1: mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam bidang pemprosesan dan kawalan mutu makanan.

OP 2: mempamerkan kemahiran teknikal, kemahiran teknologi digital dan menunjukkan kemahiran kuantitatif dalam bidang pemprosesan dan kawalan mutu makanan.

OP 3: mempamerkan kemahiran komunikasi dan kemahiran interpersonal serta ciri kepimpinan di dalam kumpulan yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan budaya dalam memperkasa pembelajaran sepanjang hayat.

OP 4: membudayakan pembangunan kendiri, pemikiran keusahawan serta mamatuhi etika kerja dan profesionalisme dalam komuniti dan pihak berkepentingan.

SIJIL PEMPROSESAN DAN KAWALAN MUTU MAKANAN (HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM – PLO/HPP)

Di akhir pembelajaran pelajar boleh:

HPP1: menjelaskan pengetahuan asas, teori, prinsip dan konsep dalam bidang pemprosesan dan kawalan mutu makanan

HPP2: mengaplikasi kemahiran menyelesaikan masalah berkaitan tugas dalam bidang pemprosesan dan kawalan mutu makanan

HPP3: mempamerkan kemahiran teknikal berdasarkan skop kerja yang diperlukan dalam bidang pemprosesan dan kawalan mutu makanan.

HPP4: menghubung kait kemahiran komunikasi dan kemahiran interpersonal secara berkesan terhadap individu atau secara berkumpulan dalam bidang pemprosesan dan kawalan mutu makanan

HPP5: mempamerkan keupayaan menggunakan teknologi digital dan kemahiran kuantitatif dalam bidang pemprosesan dan kawalan mutu makanan

HPP6: menghubung kait keupayaan menjalankan tugas dengan ciri kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab dalam bidang pemprosesan dan kawalan mutu makanan

HPP7: mengamalkan pembelajaran kendiri dan minda keusahawanan dalam bidang pemprosesan dan kawalan mutu makanan

HPP8: mengamalkan kebolehan untuk patuh kepada etika dan profesionalisme kerja dalam bidang pemprosesan dan kawalan mutu makanan

STRUKTUR PROGRAM

SIJIL PEMPROSESAN DAN KAWALAN MUTU MAKANAN

KOD		KURSUS	KREDIT
SEMESTER 1			
SKW	1102	APLIKASI KOMPUTER	2
MPU	1411	KO-KURIKULUM 1 (KELAB)	1
MPU	1181	COMMUCATIVE ENGLISH	1
SPK	1013	PENGENALAN SAINS MAKANAN	3
SPK	1024	PEMPROSESAN HASIL BIJIAN	4
SPK	1033	PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN MAKANAN	3
SPK	1044	PEMPROSESAN KEK DAN ROTI	4
			JUMLAH KREDIT
			18
SEMESTER 2			
MPU	1311	PENDIDIKAN ISLAM 1	1
MPU	1321	PENDIDIKAN MORAL 1	
MPU	1231	KEMAHIRAN INSANIAH	1
MPU	1421	KO-KURIKULUM 2 (SUKN)	1
MPU	1152	PENGAJIAN MALAYSIA 1	2
SPK	2053	KAWALAN MUTU MAKANAN	3
SPK	2064	PEMPROSESAN BUAH-BUAHAN DAN SAYUR-SAYURAN	4
SPK	2072	PENGENALAN MAKANAN HALAL	2
SPK	2084	PEMPROSESAN HASIL IKAN DAN HASILAN LAUT	4
			JUMLAH KREDIT
			18
SEMESTER 3			
MPU	1331	PENDIDIKAN ISLAM 2	1
MPU	1341	PENDIDIKAN MORAL 2	
MPU	1101	WORKPLACE NEGLISH	1
MPU	1222	KEUSAHAWANAN	2
SPK	3094	PEMPROSESAN KONFEKSIONARI	4
SPK	3104	PEMPROSESAN HASIL DAGING DAN AYAM	4
SPK	3113	PERUSAHAAN MAKANAN	2
SPK	3122	PERUNDANGAN MAKANAN	2
			JUMLAH KREDIT
			16
SEMESTER 4			
SLI	4018	LATIHAN INDUSTRI	8
			JUMLAH KESELURUHAN KREDIT
			60

UNIT PENGAJIAN AM

Unit Pengajian AM (UPA) merupakan satu unit akademik yang menyokong program akademik utama, supaya pelajar bukan sahaja mahir di dalam teknikal tetapi juga didedahkan dalam pembentukan sikap dan moral. Ia menawarkan kursus-kursus yang meliputi topik dan perbincangan unsur hidup seperti nilai, prinsip, akhlak dan asas kemahiran. Unit Pengajian Am meliputi kursus seperti Pengajian Malaysia, Aplikasi Komputer, Pendidikan Islam, Kemahiran Insaniah, Ko-kurikulum, Business English dan Keusahawanan. UPA dilengkapi satu makmal bahasa, makmal komputer dan bilik kuliah bagi memastikan bahawa proses pembelajaran dihantar dengan berkesan.

KOD		KURSUS	KREDIT
SEMESTER 1			
DKW	1102	APLIKASI KOMPUTER	2
MPU	2311	PENDIDIKAN ISLAM 1	1
MPU	2321	PENDIDIKAN MORAL 1	
MPU	2421	KOKURIKULUM (SUKAN)	1
SEMESTER 2			
MPU	2331	PENDIDIKAN ISLAM 2	1
MPU	2341	PENDIDIKAN MORAL 2	
MPU	2231	KEMAHIRAN INSANIAH	1
MPU	2411	KOKURIKULUM (KELAB)	1
SEMESTER 3			
MPU	2152	PENGAJIAN MALAYSIA	2
MPU	2181	BUSINESS ENGLISH 1	1
SEMESTER 4			
MPU	2222	KEUSAHAWANAN	2
MPU	2191	BUSINESS ENGLISH 2	1

*Bagi pelajar warganegara yang tidak kredit Bahasa Melayu SPM wajib mengambil kursus MPU 1212 Bahasa Kebangsaan A

UNIT PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN

UNIT PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN

- 1 Unit Peperiksaan adalah merupakan suatu pusat yang bertanggungjawab untuk melaksanakan segala urusan dan aktiviti pentaksiran dan penilaian. Unit ini diketuai oleh Pegawai Peperiksaan dan dibantu oleh seorang Penyelaras Peperiksaan untuk program Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan

DAFTAR KURSUS

Pendaftaran kursus pada setiap semester melalui Penasihat Akademik dalam tempoh **SATU** minggu selepas pendaftaran semester.

ULANG KURSUS & TEBUS GRED

Mengulang kursus adalah keadaan apabila seseorang pelajar tidak mencapai kriteria penilaian atau **GAGAL** kursus.

Pelajar yang mendapat gred kursus Lulus Bersyarat (markah 40 hingga 49) **DIBENARKAN** menebus gred.

Gred terkini akan menggantikan gred terdahulu.

SYARAT LULUS KURSUS

Memperolehi markah Pentaksiran Berterusan (PB) minima **40 MARKAH (LULUS BERSYARAT)** atau gred D.

Pelajar **WAJIB** menghadiri sesi PdP tidak kurang daripada 80% dari jumlah jam pertemuan bagi setiap kursus.

MENERUSKAN PENGAJIAN KE SEMESTER BERIKUTNYA

Pelajar dikehendaki **LULUS** semua kursus yang ditawarkan sebelum dibenarkan menjalani Latihan Industri di akhir pengajian.

Pelajar yang mendapat status akademik HPNM Lulus Bersyarat perlu memperbaiki status keputusan sebelum menjalani Latihan Industri.

UNIT PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN

TAMAT PENGAJIAN

1. HPNM \geq 2.00
2. Lulus Latihan Industri.
3. Memenuhi jumlah jam kredit yang ditetapkan dalam program.
4. Bagi pelajar Warganegara yang tidak kredit Bahasa Melayu SPM, WAJIB LULUS kursus MPU 1212 BAHASA KEBANGSAAN A.

STATUS DIBERHENTIKAN

1. Memperolehi status akademik (PNM) LULUS BERSYARAT tiga kali berturut-turut.
2. Telah melebihi tempoh maksimum pengajian iaitu 10 semester termasuk Latihan Industri

RAYUAN KEPUTUSAN

Pelajar boleh membuat semakan semula keputusan melalui TP dengan mengisi Borang Rayuan Semakan Semula Keputusan dalam tempoh **TUJUH hari** selepas keputusan diumumkan atau mengikut tarikh yang ditetapkan oleh kolej.

Kadar bayaran rayuan penyemakan adalah sebanyak RM25 bagi setiap kursus. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Kiriman Wang/Wang Pos atas nama Pengarah Kolej Komuniti Sik.

SISTEM GRED

Markah	Gred	Nilai Mata	Status
90 – 100	A+	4.00	Sangat Cemerlang
80 – 89	A	4.00	Cemerlang
75 – 79	A-	3.67	Kepujian
70 – 74	B+	3.33	
65 – 69	B	3.00	Baik
60 – 64	B-	2.67	
55 – 59	C+	2.33	
50 – 54	C	2.00	
47 – 49	C-	1.67	Lulus Bersyarat
44 – 46	D+	1.33	
40 – 43	D	1.00	
0 – 39	F	0.00	Gagal

UNIT PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN

PURATA NILAI MATA (PNM)

Purata Nilai Mata Kredit seseorang pelajar
bagi sesuatu semester / modul

PNM = $\frac{\text{Jumlah mata kredit sesuatu semester / modul}}{\text{Jumlah jam kredit sesuatu semester / modul}}$

HIMPUNAN PURATA NILAI MATA (HPNM)

Purata Nilai Mata yang diperolehi oleh
seseorang pelajar didalam semua penilaian/
pentaksiran

HPNM = $\frac{\text{Jumlah mata kredit semua semester / modul}}{\text{Jumlah jam kredit semua semester / modul}}$

STATUS AKADEMIK

PENCAPAIAN	STATUS AKADEMIK
3.67 - 4.00	Cemerlang
3.00 - < 3.67	Kepujian
2.00 - < 3.00	Baik
1.00 - < 2.00	Lulus Bersyarat
< 1.00	Gagal

UNIT PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN

ANUGERAH PENGARAH

Pelajar mendaftar kursus sekurang-kurangnya 12 kredit pada semester berkenaan.

PNM \geq 3.67

Catatan "Anugerah Pengarah" akan dimasukkan dalam slip keputusan.

SURAT PENGESAHAN TAMAT PENGAJIAN

Dikeluarkan oleh Unit Peperiksaan SELEPAS TAMAT LATIHAN INDUSTRI ; selepas Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Kolej Komuniti Sik.

TRANSKRIP

Transkrip pelajar dikeluarkan dalam tempoh 14 hari selepas pengumuman keputusan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti.

SIJIL KOLEJ KOMUNITI (SKK)

Lulus semua kursus yang ditetapkan mengikut program

Lulus Latihan Industri.

HPNM \geq 2.00

Tidak melebihi tempoh pengajian maksimum yang ditetapkan.

Diperakuan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti. SKK hanya dikeluarkan sekali sahaja semasa Majlis Konvokesyen

ANUGERAH KETUA PENGARAH

HPNM \geq 3.83

Cemerlang Latihan Industri

Kriteria-kriteria lain yang ditetapkan oleh JK

Diperakuan oleh Ketua Pengarah. Anugerah ini akan diberi semasa Majlis Konvokesyen.



BAHAGIAN BUKAN AKADEMIK

KOLEJ KOMUNITI SIK

UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

PERANAN UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

· Mengurus dan menyelia hal-hal berkaitan kebajikan dan disiplin pelajar serta perjalanan BPP di Kolej Komuniti.

· Mengurus dan melaksanakan hal-hal berkaitan Program Khas Pelajar (Pembangunan Sahsiah).

· Mengurus hal-hal berkaitan aktiviti pertandingan kemahiran yang melibatkan pelajar Kolej Komuniti.

· Menyelia hal-hal berkaitan bantuan kewangan pelajar.

· Mengurus dasar dan pelaksanaan pengambilan pelajar bagi program sepenuh masa dan program separuh masa

· Mengurus, dan melaksanakan dasar pengambilan pelajar Kolej Komuniti.

· Menguruskan dokumen-dokumen berkaitan pengambilan pelajar bagi kursus program sepenuh masa.

· Mengurus dan memantau hal-hal berkaitan aktiviti psikologi, kaunseling dan kerjaya di Kolej Komuniti.

· Mengurus dan melaksanakan hal-hal berkaitan aktiviti sukan di Kolej Komuniti bersama Majlis Sukan Kolej Komuniti (MASKOM).

· Menguruskan hal-hal berkaitan aktiviti kelab dan persatuan.

(

PEMBIAYAAN KEWANGAN

Pelajar Kolej Komuniti boleh memohon pinjaman atau bantuan kewangan seperti berikut:

> Sijil Kolej Komuniti

Bil	Tajaan/ Bantuan
1	Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK)
2	Bantuan Kewangan Orang Kelainan Upaya (BKOKU)
3	Program Pendidikan Khas (PPK)
4	Bantuan Agensi-Agenzi Lain


Peringkat Sijil

PENGAMBILAN PELAJAR

- 1) Mengurus dasar dan pelaksanaan pengambilan pelajar bagi program sepenuh masa dan program separuh masa
- 2) Mengurus, dan melaksanakan dasar pengambilan pelajar Kolej Komuniti.
- 3) Menguruskan dokumen-dokumen berkaitan pengambilan pelajar bagi kursus program sepenuh masa.
- 4) Mengurus pertukaran program, pertukaran kolej dan tangguh pengajian.




**PENGURUSAN PERTUKARAN PROGRAM
PELAJAR TELAH BERDAFTAR
KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**




Pengurusan Pertukaran Program

**PENGURUSAN PERTUKARAN KOLEJ
PELAJAR BERDAFTAR
KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**



Pengurusan Pertukaran Kolej

**PENGURUSAN TANGGUH PENGAJIAN
KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**



Pengurusan Tangguh Pengajian

UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI

Unit ini dinamakan Unit Pengurusan Psikologi kerana dalam melaksanakan perkhidmatan kaunseling, ilmu-ilmu dan prinsip-prinsip psikologi digunakan bagi membantu klien menangani masalah dan isu-isu berkaitan. Gabungan dua disiplin ini iaitu psikologi dan kaunseling perlu bagi menghasilkan perkhidmatan kaunseling yang efektif dan profesional.

Visi

Mewujudkan perkhidmatan kaunseling yang profesional, efektif, berkualiti, dan cekap di samping membantu meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan kesihatan emosi dan perkembangan psikologi setiap individu.

Misi

- Melengkapkan sistem perkhidmatan pendidikan dengan memberi penekanan terhadap kesihatan emosi dan perkembangan psikologi yang baik untuk kesejahteraan individu, organisasi dan komuniti.
- Memberi kesedaran akan kepentingan perkhidmatan psikologi dan kaunseling dalam menguruskan kehidupan sehari-hari.
- Meningkatkan tahap pengetahuan dan keterampilan profesion Pegawai Psikologi sejajar dengan perkembangan perubatan terkini.
- Melaksanakan program penyelidikan dan perkembangan ilmu bagi tujuan memantapkan perkhidmatan dan profesion Pegawai Psikologi di dalam organisasi.

Piagam Pelanggan

- Memberi maklumbalas awal terhadap kes rujukan baru dalam masa 5 hari bekerja.
- Sesi kaunseling intervensi psikologi dan individu dijalankan sekurang-kurangnya 30 minit (1 sesi).
- Merahsiakan maklumat yang diberikan oleh klien selagi maklumat tersebut tidak membahayakan diri klien dan individu lain selaras dengan Akta Kaunselor 580.

Jenis Perkhidmatan yang disediakan:

- Kaunseling Remaja
- Kaunseling Individu
- Kaunseling Keluarga
- Kaunseling Kelompok
- Intervensi Krisis
- Kaunseling Kerjaya
- Program Psikopendidikan
- Ujian Psikologi / Psikometrik

PERPUSTAKAAN

Perpustakaan Kolej Komuniti SIK ini dibuka kepada penggunaanya secara rasmi pada tahun 2016. Perpustakaan ini menawarkan perkhidmatan kepada semua warga KKS termasuk para pelajar, kakitangan akademik, kakitangan pengurusan dan sokongan.

Perpustakaan KKS merupakan komponen utama dalam menyokong proses pembelajaran dan pengajaran bagi pengajian am dan program yang ditawarkan :-


- ❖ Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan (SPK)

HARI	WAKTU
AHAD - RABU	9.00 PG – 5.00 PTG
KHAMIS	9.00 PG – 3,30 PTG
JUMAAT & SABTU	TUTUP
*CUTI AM	TUTUP

KO-KOKURIKULUM (BERKREDIT)

Unit Ko-kurikulum telah bertanggungjawab menyokong unit akademik dalam menguruskan Kelab dan Persatuan dan Kelab Sukan. Fokus utama ialah menyediakan ilmu terbaik dan pengalaman di dalam dan di luar bilik darjah untuk perkembangan mental, keyakinan diri, kemahiran, fizikal dan rohani dan pembentukan nilai di dalam diri pelajar

TEMPOH PENGAJIAN



INSURAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI

Semua pelajar kolej komuniti oleh insuran berkelompok. Sebarang tuntutan mengenai insuran boleh menghubungi Unit Pembangunan Pelajar Kolej Komuniti Sik

Skop Perlindungan



BIL	SKOP PERLINDUNGAN	AMAUN
1	Kematian Biasa	8,000.00
2	Kematian Akibat Kemalangan	10,000.00
3	Keilatan Kekal Menyeluruh Biasa (akibat penyakit)	8,000.00
4	Keilatan Kekal Menyeluruh Biasa (akibat kemalangan)	10,000.00
5	Keilatan Separa Kekal Menyeluruh Akibat Kemalangan - berdasarkan jadual	10,000.00
6	Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan (maksimum setahun)	1,000.00
7	Belanja Pengebumian (semua sebab)	1,000.00
8	Manfaat Wad Hospital Akibat Kemalangan - maksimum 30 hari dalam setahun	25.00 / hari

DISIPLIN & TATATERTIB

BUKU NOTIS KESALAHAN TATATERTIB TERUS (pada muka surat sebelum helaian notis)

KOD	JENIS KESALAHAN
1	<p>1. Perpustakaan [Kaedah 3 (i)]</p> <p>(a) Lewat / tidak memulangkan buku atau bahan dalam tempoh yang ditetapkan. (b) Merosakkan buku atau bahan. (c) Menghilangkan buku dan bahan yang dipinjam. (d) Bising / mengganggu ketenteraman di dalam perpustakaan. (e) Makan / minum / tidur / membuat sesuatu yang akan menjadikan suasana ketika di dalam perpustakaan. (f) Membawa makanan / minuman ke dalam perpustakaan. (g) Menggunakan kad perpustakaan pelajar lain. (h) Melakukan perbuatan yang mencolok mata. (i) Mencuri atau membawa keluar bahan majalah, surat khabar, buku rujukan <i>red spot</i> dan bahan berjilid tanpa kebenaran Pegawai Perpustakaan. (j) Tidak mematuhi arahan etika berpakaian mengikut Panduan dan Peraturan Am Pelajar Kolej Komuniti. (k) Membawa masuk beg, fail besar, kamera, topi keledar, jaket, senjata tajam atau yang seumpamanya ke dalam perpustakaan. (l) Mengoyak / menggunting /menconteng bahan-bahan bacaan di perpustakaan. (m) Merosak dan memusnahkan mana-mana harta kepunyaan perpustakaan atau berkelakuan yang boleh membawa kerrosakan kepada bahan tersebut. (n) Tidak menjaga kebersihan perpustakaan. (o) Mengubah susunatur perabot dan peralatan perpustakaan. (p) Menggunakan telefon mudah alih (<i>handphone</i>) atau sebarang bahan elektronik sehingga mengganggu ketenteraman orang lain.</p>
2Ai	<p>2. PAKAIAN DAN PENAMPILAN DIRI [Kaedah 6]</p> <p>A. Pelajar Lelaki</p> <p>i. Pakaian</p> <p>(a) Memakai baju kemeja yang tidak berlengan. (b) Memakai baju 'T' tidak berkolar kecuali untuk aktiviti sukan. (c) Memakai baju 'T' yang mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucu atau mempunyai lambang mana-mana parti politik. (d) Memakai baju kemeja atau 'T' yang tidak dimasukkan ke dalam seluar (<i>tuck in</i>). (e) Memakai baju kebangsaan (baju melayu) yang tidak lengkap bersampin, berkasut, bersongkok hitam. (f) Memakai pakaian yang bertampal, koyak atau bertampung dalam apa jua bentuk sekalipun. (g) Memakai pakaian yang tidak dibutang atau diziaskan dengan sempurna. (h) Memakai tali pinggang atau fesyen kepala tali pinggang yang tidak sesuai. (i) Memakai seluar jenis 'jeans biru' atau lusuh. (j) Memakai seluar ketat. (k) Memakai seluar '<i>half cut</i>'. (l) Memakai kasut tanpa stokin. (m) Memakai selipar, terompah, sandal, capal atau berkaki ayam. (n) Tidak memakai pakaian bengkel ketika berada di bengkel.</p> <p>ii. Rambut</p> <p>(a) Rambut panjang melebihi parsa kolar baju, parsa tepi melebihi parsa atas telinga, parsa depan melebihi garisan tengah dahi. (b) Rambut tidak kemas. (c) Rambut berfesyen seperti afro, punk, berekor atau diwarnakan.</p> <p>iii. Perhiasan</p> <p>(a) Memakai sebarang bentuk perhiasan seperti rantai, gelang tangan dan subang atau apa-apa perhiasan diri yang membawa maksud negatif.</p>
2Aii	
2Aiii	
2Bi	<p>B. Pelajar Perempuan</p> <p>i. Pakaian</p> <p>(a) Memakai pakaian yang mencolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, singkat, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan. (b) Memakai baju yang labuhnya di atas parsa punggung. (c) Memakai skirt yang lebih pendek dari parsa lutut. (d) Memakai baju 'T' yang mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucu atau mempunyai lambang mana-mana parti politik. (e) Memakai baju 'T' tidak berkolar kecuali untuk aktiviti sukan.</p>

		2. PAKAIAN DAN PENAMPILAN DIRI [Kaedah 6]
		A. Pelajar Lelaki
		i. Pakaian
2Ai	(a)	Memakai baju kemeja yang tidak berlengan.
	(b)	Memakai baju 'T' tidak berkolar kecuali untuk aktiviti sukan.
	(c)	Memakai baju 'T' yang mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau mempunyai lambang mana-mana parti politik.
	(d)	Memakai baju kemeja atau 'T' yang tidak dimasukkan ke dalam seluar (<i>tuck in</i>).
	(e)	Memakai baju kebangsaan (baju melayu) yang tidak lengkap bersampin, berkasut, bersongkok hitam.
	(f)	Memakai pakaian yang bertampal, koyak atau bertampung dalam apa jua bentuk sekalipun.
	(g)	Memakai pakaian yang tidak dibutang atau dizipkan dengan sempurna.
	(h)	Memakai tali pinggang atau fesyen kepala tali pinggang yang tidak sesuai.
	(i)	Memakai seluar jenis 'jeans biru' atau lusuh.
	(j)	Memakai seluar ketat.
	(k)	Memakai seluar ' <i>half cut</i> '.
	(l)	Memakai kasut tanpa stokin.
	(m)	Memakai selipar, terompah, sandal, capal atau berkaki ayam.
	(n)	Tidak memakai pakaian bengkel ketika berada di bengkel.
		ii. Rambut
2Aii	(a)	Rambut panjang melebihi paras kolar baju, paras tepi melebihi paras atas telinga, paras depan melebihi garisan tengah dahi.
	(b)	Rambut tidak kemas.
	(c)	Rambut berfesyen seperti afro, punk, berekor atau diwarnakan.
		iii. Perhiasan
2Aiii	(a)	Memakai sebarang bentuk perhiasan seperti rantai, gelang tangan dan subang atau apa-apa perhiasan diri yang membawa maksud negatif.
	(b)	
		B. Pelajar Perempuan
		i. Pakaian
2Bi	(a)	Memakai pakaian yang mencolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, singkat, berbelah, nipis dan mendekhan mana-mana bahagian badan.
	(b)	Memakai baju yang labuhnya di atas paras punggung.
	(c)	Memakai skirt yang lebih pendek dari paras lutut.
	(d)	Memakai baju 'T' yang mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau mempunyai lambang mana-mana parti politik.
	(e)	Memakai baju 'T' tidak berkolar kecuali untuk aktiviti sukan.
	(f)	Memakai pakaian yang bertampal, koyak atau bertampung dalam apa jua bentuk sekalipun.
	(g)	Memakai pakaian yang tidak dibutang atau dizipkan dengan sempurna.
	(h)	Berseluar ketat, singkat atau menampakkan susuk badan.
	(i)	Memakai seluar jenis 'jeans', banyak poket, 'corduroy'.
	(j)	Memakai seluar ' <i>half cut</i> '.
	(k)	Memakai selipar, terompah, sandal, capal atau berkaki ayam.
	(l)	Tidak memakai pakaian bengkel semasa berada di bengkel.
		ii. Rambut
2Bii	(a)	Rambut tidak kemas.
	(b)	Rambut berfesyen seperti afro, punk, berekor atau diwarnakan
		iii. Perhiasan
2Biii	(a)	Memakai perhiasan seperti rantai, gelang tangan, cincin dan subang secara berlebihan.
	(b)	Memakai perhiasan diri bukan pada tempat sepatutnya.
	(c)	Bersolek secara berlebihan.
		3. KEBERSIHAN DI DALAM KAMPUS [Kaedah 21]
3	(a)	Membuang sampah merata-rata di sekitar kampus.
	(b)	Menampal sebarang notis dan iklan tanpa kebenaran pihak berkuasa kampus.
	(c)	Mengotorkan / meludah merata-rata di sekitar kampus.
	(d)	Memetik / Mematah / Merosakkan pokok hiasan / pokok bunga tanpa kebenaran pihak berkuasa kampus.
		4. MEMBUAT BISING [Kaedah 22]
4	(a)	Meninggikan suara atau mengeluarkan bunyi bising sehingga menyebabkan kegusaran atau gangguan kepada pihak lain di dalam kampus.
	(b)	Menggunakan peralatan elektronik/elektrik sehingga menyebabkan bunyi bising dan menimbulkan kegusaran atau gangguan kepada pihak lain di dalam kampus.



KOLEJ KOMUNITI SIK

KOLEJ KOMUNITI SIK

No. 28-A, PUSAT PERNIAGAAN ALAMANDA,

08200 SIK, KEDAH DARUL AMAN

TEL : 04-469 3101/ FAKS : 04-4693103

FB : Kolej Komuniti Sik